26/02/2002

Ulama asing turut anggotai MPUN

KUALA LUMPUR, Isnin - Ulama asing akan turut dilantik menganggotai Majlis Perundingan Ulama Negara (MPUN), kata Penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, ramai tokoh ilmuan, pendakwah dan ulama asing yang pernah bekerja atau tinggal di negara ini, boleh dilantik menganggotai MPUN.

"Keanggotaan majlis ini tidak terhad kepada ulama tempatan saja. Ulama asing yang mengenali Malaysia, memang selalu membuat perbandingan mengenai perkembangan Islam di antara negara Islam sehingga mereka mengagumi negara kita sebagai negara Islam termaju.

"Dengan penyertaan ulama antarabangsa ini untuk sama-sama bergabung tenaga dengan ulama tempatan dalam majlis ini, ia akan dapat membantu meningkatkan lagi syiar Islam di negara kita," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas lebih lanjut kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung penubuhan MPUN bagi memberi nasihat serta pandangan mengenai sebarang dasar kerajaan dan perkara berkaitan perkembangan syiar Islam.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri berkata, penubuhan MPUN diputuskan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Jumaat lalu dan fungsinya tidak bertindih dengan Majlis Fatwa Kebangsaan kerana badan baru itu tidak mengeluarkan sebarang fatwa tetapi garis panduan.

Abdul Hamid menjelaskan keputusan yang dibuat MT Umno itu bertujuan mengumpul ahli ilmu Islam bagi memberi cadangan ke arah pembangunan ummah pada masa akan datang.

Beliau berkata, penubuhan MPUN juga bertujuan mengikis pemikiran negatif di kalangan umat Islam.

"Majlis ini akan dianggotai tokoh berpengetahuan dalam agama tanpa mengira sama ada mereka menyokong Umno atau tidak. Kita tidak mahu ulama yang taksub dengan politik untuk menganggotai majlis ini.

"Kita mahu ulama yang boleh membawa pembangunan ummah, bukan taksub kepada politik kepartian," katanya.

Beliau berkata, penubuhan MPUN akan disegerakan sebaik saja Abdullah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan kembali ke tanah air Khamis ini.

(END)